

## Empangan Kelau boleh jejas alam sekitar

16/12

**S**AYA adalah rakyat Malaysia yang cintakan alam semula jadi dan berasa terharu apabila mendapat berita Hutan Simpan Lakum yang kaya dengan tumbuh-tumbuhan, harta dan pelbagai jenis haiwan liar serta khazanah bakal terhapus berikutan cadangan membina Empangan Kelau untuk projek pemindahan air mentah dari negeri Pahang ke Selangor mulai tahun 2008.

Cadangan asal pihak kerajaan untuk membina empangan itu turut membabitkan empat kawasan lain iaitu Skim Felda Kelau, Perladangan Felda Kelau, Rizab Orang Asli Sungai Temir dan Rancangan Tanah Pemuda. Ia akan turut menjejaskan rumah peneroka, rumah kampung, infrastruktur awam, masjid, rumah kedai dan lain-lain kemudahan awam.

Menerusi teknologi terkini pasti ada cadangan lain yang lebih efektif iaitu

dapat menyelamatkan flora, fauna dan ekosistem daripada mengalami kepupusan yang begitu tinggi nilainya.

Saya merayu kepada kerajaan agar mengambil kira kepentingan alam sekitar dan ia menjadi isu kontroversi seperti pembinaan empangan di negara lain.

Sebagai contoh saya merujuk kepada akhbar tempatan bertarikh 13 Jun lalu iaitu di Sungai Salween, antara sungai berstatuskan 'dara' di Asia Tenggara yang mendapat tentangan daripada beberapa etnik yang menetap di sepanjang aliran sungai dan dianggap melanggar hak asasi manusia penduduk terbabit.

Perkara ini boleh dijadikan iktibar dan saya percaya pihak kerajaan akan membuat keputusan projek pemindahan air mentah ini sebaik mungkin.

**MESRA ALAM**

*Temerloh, Pahang*